

04/06/2001

Ramai pula berteka-teki siapa bakal pengganti Daim

PELETAKAN jawatan jelas belum `membebaskan' Tun Daim Zainuddin daripada tumpuan ramai. Sehari selepas peletakan jawatannya sebagai Menteri Kewangan diumumkan kelmarin yang menamatkan spekulasi berbulan-bulan berhubung kedudukannya, pelbagai spekulasi lain pula dicari jawapannya. Jawatannya sebagai Bendahari Umno dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) masih menjadi teka-teki sambil pelbagai ramalan turut dibuat terhadap penggantinya dalam Kabinet. Sikap Daim sendiri yang gemar mengelakkan media tidak dianggap sebagai isyarat untuk beliau dibiarkan bersendirian. Mungkin kerana sikapnya yang gemar membisu, apa saja yang sesekali dituturkannya dianggap amat bernilai hinggakan dianggap ramai boleh mempengaruhi harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, pendirian Daim untuk meletak jawatan sudah disuarakannya sejak 10 bulan lalu lagi. Apabila beliau memilih untuk bercuti dua bulan lalu, spekulasi berhubung pengundurannya kembali hangat. Dengan percutiannya berakhir 31 Mei lalu, persoalan itu memuncak semula. Sebagaimana sukarnya untuk Daim melepaskan jawatan Menteri Kewangan ketika khidmatnya masih diperlukan, kita percaya ia juga bukan keputusan mudah untuk Perdana Menteri meluluskannya. Sepanjang tempoh berkenaan juga, pelbagai cerita tersebar, antaranya Perdana Menteri dan Daim berselisih faham walaupun kedua-duanya berulang kali menafikannya. Kini, Daim sudah pun meletakkan jawatan dan ia adalah keputusan yang harus dihormati oleh semua.

Apa pun, keutamaannya selepas ini, Daim harus berbesar hati dengan pelbagai pujian yang dihamburkan terhadapnya selama dua tempoh berbeza sebagai Menteri Kewangan di antara 1985-1991 dan 1999-2001. Sumbangan besarnya dalam mengatasi kemelesetan ekonomi pada 1986 dan ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi sejak 1998 akan sentiasa dihargai. Jika tidak kerana gandingan mantap Perdana Menteri dan Daim berpegang kepada dasar kawalan modal berpilih pada 1998, Malaysia harus masih dibelenggu oleh Dana Mata Wang Antarabangsa (IMF) ketika ini. Dengan pengundurannya kini, kita berharap Daim akan terus berbakti kepada parti dan negara sekalipun dalam kapasiti berbeza.

Ketika ini, mungkin ada di kalangan menteri yang mencongak peluang untuk `dinaikkan pangkat' sebagai Menteri Kewangan. Di kalangan anggota Kabinet, memang jawatan itu dianggap lebih kanan. Tidak kurang juga calon dari luar Kabinet yang dikatakan mendapat pertimbangan. Pelantikan anggota Kabinet adalah budi bicara Perdana Menteri semata-mata dan tidak semestinya menepati ramalan ramai. Semestinya Dr Mahathir mempunyai kriteria tersendiri dalam menentukan pilihannya. Kehangatan spekulasi mengenai siapa yang bakal dilantik adalah perkara biasa. Daripada rakyat biasa hingga pada peringkat Ahli Parlimen sendiri, keghairahan yang ditunjukkan sekadar mencerminkan keprihatinan serta sikap mengambil berat mereka terhadap pentadbiran kerajaan.

(END)